

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 21/05/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 44

Tajuk : Angkasa sumbang komputer kepada SMK Kelana Jaya

Angkasa sumbang komputer kepada SMK Kelana Jaya

SUMBANGAN. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) menyumbangkan sebanyak lima unit komputer kepada

koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kelana Jaya baru-baru ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat bertujuan memperkasakan kemahiran pelajar menjadi usahawan cilik menerusi teknologi

maklumat dan komunikasi. "Sumbangan ini dapat meningkatkan mutu dan prestasi kerja para pelajar serta guru dalam

menguruskan koperasi terutamanya memudahkan urusan mereka daripada segi menyimpan rekod-

rekod koperasi tanpa perlu menggunakan buku," katanya.

Turut hadir, Pengetua SMK Kelana Jaya, Jamaluddin Haron dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Haizal Ayop.



DATUK FATTAH (depan, tiga dari kanan) menyerahkan komputer kepada Jamaluddin (dua dari kanan) sempena Majlis Gimik Penyerahan Komputer di SMK Kelana Jaya baru-baru ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA